



## **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

---

### **GARIS PANDUAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (BBK) SEKTOR KEBUDAYAAN**

---

### **SYARAT KELAYAKAN DAN PROSEDUR PERMOHONAN KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (BBK)**

**1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi keterangan dan penjelasan mengenai syarat-syarat, kelayakan dan prosedur permohonan kepada Badan Bukan Kerajaan (BBK)/ *Non Government Organisation (NGO)* yang ingin memohon peruntukan bantuan kewangan bagi melaksanakan program/aktiviti kebudayaan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

**2.0 LATAR BELAKANG**

**Bantuan Pentadbiran dan Kegiatan Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan (BBK) berkaitan Kebudayaan**

Kerajaan telah memperuntukkan kewangan bagi **Bantuan Pentadbiran dan Kegiatan Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan (BBK)** sejumlah RM6.0 juta semasa pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012. Bantuan ini bagi membantu urusan pentadbiran dan kegiatan BBK yang berdaftar sebagai pengiktirafan kepada peranan karyawan dan seniman Malaysia dalam memartabatkan seni, budaya dan warisan negara.

Kerajaan bersetuju meneruskan bantuan kewangan bagi tahun 2014 sebanyak RM6 juta bagi pengurusan pentadbiran dan kegiatan BBK yang berdaftar dalam ucapan Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013.

Namun begitu, dalam Ucapan Bajet Tahun 2015 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 Oktober 2014, peruntukan untuk BBK ini tidak dipertimbangkan. Permohonan bantuan kepada BBK dipusatkan di Kementerian Kewangan iaitu peruntukan bantuan Geran Kerajaan di bawah Inisiatif MyNGO 2015.

**GARIS PANDUAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (BBK) SEKTOR KEBUDAYAAN**

---

Sejak tahun 2015, MOTAC melalui penjimatan peruntukan Kementerian meneruskan bantuan kewangan kepada BBK. Perincian jumlah bantuan kewangan dan persatuan bagi tahun 2014-2020 adalah seperti butiran berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Bantuan (RM)</b>	<b>Sumber Peruntukan</b>
<b>2013 - 2014</b>	<b>6,000,000.00</b>	Bantuan Pentadbiran dan Kegiatan Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan (BBK)
<b>2015</b>	<b>419,500.00</b>	
<b>2016</b>	<b>958,070.00</b>	
<b>2017</b>	<b>1,265,000.00</b>	Menggunakan Peruntukan Penjimatan
<b>2018</b>	<b>2,669,700.00</b>	Kementerian
<b>2019</b>	<b>2,430,000.00</b>	
<b>2020</b>	<b>2,213,000.00</b>	
<b>JUMLAH</b>	<b>15,955,270.00</b>	

**SKOP / AKTIVITI**

- 3.1 Program/ aktiviti yang dirancang hendaklah bersesuaian dan selaras dengan bidang keutamaan, dasar serta objektif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).
- 3.2 Penganjuran program/ aktiviti yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan politik.
- 3.3 Bantuan kewangan ini terbuka kepada BBK seni, budaya dan warisan yang mengetengahkan ciri-ciri tradisional dalam bidang seperti berikut:
  - i. seni muzik;
  - ii. seni tarian;
  - iii. seni teater;
  - iv. kraf tangan;
  - v. seni mempertahankan diri;
  - vi. adat dan budaya (adat istiadat, busana/ kostum, gastronomi, permainan tradisi dan perubatan tradisi);
  - vii. seni visual (catan, karya atas kertas, arca dan objek seni);
  - viii. bahasa dan kesusteraan (penulisan, tulisan jawi, sastera rakyat/ lagu dan cerita rakyat, sajak, gurindam, pantun, syair dan teromba); dan
  - ix. audio visual dan media interaktif (grafik, pameran, teknologi maklumat, seni foto dan media sosial).

### 3.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Pihak yang layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

Syarat-Syarat Kelayakan	
Pihak Yang Layak Diberi Pertimbangan	Pihak Yang Tidak Layak Diberi Pertimbangan
<p>(i) BBK berkaitan seni, budaya dan warisan yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966;</p> <p style="text-align: center;"><b>ATAU;</b></p> <p>(ii) Berdaftar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti di bawah Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM);</p> <p style="text-align: center;"><b>ATAU;</b></p> <p>(iii) Organisasi yang bergiat dalam bidang seni, budaya dan warisan yang tidak berorientasikan keuntungan.</p> <p><b>* Organisasi ini diwujudkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan (NPO-Non Profit Organisation) yang diperbadankan sebagai</b></p>	<p>(i) Orang perseorangan dan syarikat.</p> <p>(ii) Organisasi yang tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara.</p> <p>(iii) Organisasi yang telah menerima bantuan kewangan di bawah Jabatan/ Agensi di bawah MOTAC untuk pelaksanaan program yang sama bagi tahun semasa.</p> <p>(iv) Organisasi yang menunjukkan prestasi tidak memuaskan dalam penggunaan bantuan yang telah diterima sebelum ini.</p> <p>(v) BBK yang tidak mengemukakan laporan pelaksanaan program terdahulu seperti mana yang disyaratkan.</p> <p>(vi) Organisasi yang dikenalpasti tidak sopan, kasar dan berkelakuan buruk semasa berurusan dengan pihak urus setia/ jabatan/ agensi.</p> <p>(vii) Organisasi yang berdaftar yang mementingkan keuntungan (profit)</p>

<b>Syarat-Syarat Kelayakan</b>	
<b>Pihak Yang Layak Diberi Pertimbangan</b>	<b>Pihak Yang Tidak Layak Diberi Pertimbangan</b>
<b>Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ).</b>	<p>oriented).</p> <p>(viii) Pertubuhan politik termasuk Pusat Khidmat Masyarakat.</p> <p>(ix) Organisasi yang telah dibatalkan pendaftarannya.</p> <p>(x) Organisasi yang telah disenaraihitamkan oleh MOTAC dan agensi-agensi di bawahnya.</p>

#### **4.0 JAWATANKUASA PANEL PENILAI KEBUDAYAAN (JPPK)**

##### 5.1 Penubuhan dan Keahlian JPPK

- i) Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripda pegawai-pegawai dari pelbagai bahagian/ jabatan/ agensi di bawah MOTAC. Pegawai-pegawai yang dicadangkan sebagai Pengerusi/ Ahli Jawatankuasa adalah dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal.
- ii) Senarai keahlian JPPK adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>GELARAN JAWATAN</b>	<b>KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN</b>
1.	Pengerusi	<b>Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)</b>
2.	Pengerusi Ganti/ Timbalan Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan; atau</li> <li>• Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan</li> </ul>

**GARIS PANDUAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (BBK) SEKTOR KEBUDAYAAN**

---

BIL.	GELARAN JAWATAN	KEMENTERIAN / AGENSI / JABATAN
3.	Ahli Tetap (Pegawai bertaraf Tetap)	i) Setiausaha Bahagian Kewangan atau wakil ii) Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri atau wakil iii) Setiausaha Bahagian Pengurusan Acara atau wakil iv) Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara atau wakil v) Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara atau wakil
4.	*Ahli Bersekutu	i) Ketua Pengarah Istana Budaya atau wakil ii) Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia atau wakil iii) Rektor ASWARA atau wakil iv) Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia atau wakil v) Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia atau wakil vi) Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia atau wakil vii) Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia atau wakil viii) Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara atau wakil ix) Wakil Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang telah dilantik x) Wakil Perbadanan Kemajuan Filem Nasional yang telah dilantik
5.	Urus Setia	Bahagian Dasar Kebudayaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

(\*Wakil-wakil berkenaan adalah merupakan Ahli Bersekutu bagi Sektor Kebudayaan akan dijemput sekiranya berkaitan dengan permohonan)

- xi) Mesyuarat JPPK perlu bersidang sekurang-kurangnya sepuluh (10) kali setahun;
- xii) Mesyuarat JPPK boleh bersidang secara khas yang memerlukan keputusan dibuat dengan segera;

- xiii) Korum mesyuarat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) orang Ahli Tetap termasuk Pengerusi;
- xiv) Terma Rujukan (*Term of Reference – TOR*) JPPK adalah seperti di **Lampiran A**.

**5.2 Pertimbangan Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan**

- i) JPPK hendaklah bermesyuarat secara bersemuka/ bersidang secara atas talian.
- ii) JPPK akan menilai, menimbang dan mengesyorkan permohonan bantuan kewangan BBK untuk kelulusan Pegawai Pengawal;
- iii) Perbincangan dan keputusan JPPK hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat. Asas-asas keputusan permohonan bantuan kewangan hendaklah dicatatkan dengan jelas.
- iv) Perakuan keputusan yang ditandatangani oleh Pengerusi dan ahli JPPK pada hari mesyuarat bersidang boleh disediakan terlebih dahulu bagi tujuan kelulusan Pegawai Pengawal. Contoh perakuan keputusan JPPK adalah seperti di **Lampiran B**.
- v) Minit mesyuarat JPPK hendaklah disediakan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

**5.3 Keputusan Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan**

- i) Surat makluman keputusan JPPK kepada BBK yang berjaya/ gagal akan dikeluarkan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas kelulusan Pegawai Pengawal. Contoh Surat Setuju Terima dan surat makluman keputusan JPPK adalah di **Lampiran CI, Lampiran CII** dan **Lampiran CIII**; dan
- ii) Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan kepada BBK yang berjaya. Kandungan SST perlulah jelas menyatakan tawaran, penerimaan, balasan, obligasi dan kepentingan Kerajaan.

**5.0 ASAS-ASAS PENILAIAN PERMOHONAN BANTUAN KEGIATAN DAN PENTADBIRAN BADAN BUKAN KERAJAAN (BBK) SEKTOR KEBUDAYAAN**

**6.1 Permohonan yang layak dipertimbangkan oleh JPPK:**

- i) Bantuan kewangan adalah bertujuan membantu BBK dari segi bantuan kegiatan dan pentadbiran;
  - ii) Keutamaan bantuan kewangan adalah kepada penganjuran program/aktiviti kebudayaan; dan
  - iii) Keutamaan akan diberi kepada BBK yang belum pernah menerima bantuan kewangan daripada MOTAC.
- 6.2 Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan (JPPK) akan menilai dan mempertimbangkan setiap permohonan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:
- i) Permohonan yang lengkap;
  - ii) BBK yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 dan mempunyai tempoh pendaftaran yang sah;
  - iii) Bantuan adalah untuk melaksanakan program / aktiviti pengembangan dan penggalakan kebudayaan tempatan dalam bentuk:
    - Pameran/ Ekspo/ Festival;
    - Pementasan;
    - Pertandingan (sama ada penganjuran atau penyertaan yang mewakili Malaysia);
    - Persidangan/ seminar/ bengkel/ simposium/ kolokium dll.
    - Penerbitan/ Rakaman/ Pendokumentasian seni, budaya dan warisan;
    - Program penghargaan bagi sektor kebudayaan;
    - Pembelian peralatan/ busana;
    - Program-program lain seumpamanya yang diiktiraf oleh MOTAC;
    - Pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan aspek persekitaran, kebudayaan dan kesenian masyarakat Malaysia seperti kenduri adat, bimbingan kumpulan pelapis dan seumpamanya; dan
    - Penyelidikan berkaitan seni, budaya dan warisan masyarakat Malaysia.

- iv) Persatuan aktif dalam penganjuran aktiviti atau program dalam bidang masing-masing dan disokong oleh jabatan/agensi di bawah Sektor Kebudayaan;
- v) Pertimbangan bantuan kewangan adalah tertakluk kepada faktor-faktor berikut:
  - Program yang berimpak positif di samping dapat menggalak dan menyemarakkan seni, budaya dan warisan;
  - Sebagai pengiktirafan kepada penggiat seni dan negara; dan
  - Pengukuhan fungsi dan peranan BBK mengikut peringkat/gabungan peringkat kebangsaan/negeri/daerah/komuniti setempat.
- vi) Jumlah bantuan adalah tertakluk kepada penilaian dan pertimbangan JPPK dan keputusan adalah muktamad.

### 6.3 Kadar Pemberian Bantuan

- i) Kadar pemberian bantuan pentadbiran adalah berdasarkan jumlah keahlian dalam sesbuah BBK. Julat kadar pemberian bantuan adalah seperti berikut:

Bil.	Jumlah Keahlian	Julat kadar pemberian bantuan yang boleh diluluskan (RM)
1.	Kurang daripada 100 ahli	
	i) Kurang daripada 50 ahli	500.00 – 1,000.00
	ii) Melebihi 50 kurang daripada 100 ahli	2,000.00 – 3,000.00
2.	Melebihi 100 dan kurang daripada 500 ahli	4,000.00 – 7,000.00
3.	Melebihi 500 dan kurang daripada 1,000 ahli	8,000.00 – 10,000.00
4.	Melebihi 1,000 ahli	11,000.00 – 20,000.00

- ii) Penyaluran bantuan akan diberikan secara *one-off* bagi jenis bantuan pentadbiran BBK dan BBK dikehendaki untuk mengemukakan laporan ringkas penggunaan bantuan tersebut bagi tujuan rekod.

- 6.4 Kadar pemberian bantuan kegiatan adalah berdasarkan bentuk program/ aktiviti yang dapat mengembang dan menyemarakkan seni, budaya dan warisan;
- 6.5 Penyaluran bantuan awal akan diberikan sebanyak **70%** daripada jumlah kelulusan sebelum sesuatu program/ aktiviti bermula, manakala baki **30%** akan disalurkan selepas MOTAC menerima Laporan Pelaksanaan Program/ Aktiviti daripada organisasi.
- 6.6 Had maksimum pemberian bantuan kewangan tidak melebihi **RM100,000.00** dalam tempoh satu (1) tahun **kecuali** bagi program atau projek khas berkaitan seni, budaya dan warisan.

## **6.0 PROSEDUR PERMOHONAN**

- 7.1 Permohonan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 60 hari atau dua (2) bulan sebelum tarikh pelaksanaan aktiviti/program permohonan.
- 7.2 Permohonan mestilah menggunakan borang yang disediakan oleh urus setia. **Senarai Semak dan Borang Permohonan Bantuan Kepada BBK** adalah seperti di **Lampiran I** dan **Lampiran II**.
- 7.3 Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan (Akta Pertubuhan 1966) yang disahkan atau Surat Perakuan daripada Universiti di mana BBK berdaftar di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974 atau salinan sijil SSM bagi NPO;
- 7.4 Setiap permohonan yang lengkap akan merangkumi dokumen-dokumen berikut:
  - i) Senarai Semak;
  - ii) Surat permohonan;
  - iii) Borang Permohonan Bantuan Kepada BBK;
  - iv) Kertas Kerja seperti di Lampiran III;
  - v) Minit Mesyuarat Agung Tahunan BBK yang terkini;
  - vi) Salinan Penyata Akaun Bank Persatuan (3 bulan terkini) dan bertransaksi;
  - vii) Ulasan agensi MOTAC di peringkat negeri; dan
  - viii) Dokumen sokongan tambahan yang berkaitan (sekiranya ada).

- 7.6 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan seperti berikut:

Urus Setia Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan (JPPK)  
Bahagian Dasar Kebudayaan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Aras 4, No.2, Menara 1  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya  
Tel : 03 – 8891 7364/ 7095  
E-mel: [insentif@motac.gov.my](mailto:insentif@motac.gov.my)

- 7.7 Carta aliran kerja prosedur permohonan bantuan kewangan kepada BKK dan proses penilaian JPPK adalah seperti di **Lampiran D**.

## **7.0 PROSEDUR KAWALAN DAN PEMANTAUAN**

### **8.1 Prosedur Pembayaran**

- i) Setiap BBK yang berjaya dikehendaki menandatangani satu Surat Setuju Terima (SST) Bantuan dan dikehendaki mengembalikan SST dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan.
- ii) Bantuan kewangan akan disalurkan sebaik sahaja SST telah ditandatangani bersama-sama dilampirkan dengan salinan sijil pendaftaran persatuan dan salinan penyata bank akaun persatuan yang terkini.
- iii) Satu laporan akhir termasuk laporan bersama resit/ invois perbelanjaan hendaklah dikemukakan kepada urus setia selewat-lewatnya 30 hari selepas sesuatu program/ aktiviti dilaksanakan. Senarai semak Penyediaan Laporan Akhir Pelaksanaan Program/ Aktiviti adalah seperti di **LAMPIRAN IV**.

### **8.2 Prosedur Kawalan**

- i) Syarat dan terma tertakluk kepada Surat Setuju Terima (SST) akan berbeza tertakluk kepada jenis bantuan, jenis kegiatan, skop aktiviti bagi menjaga kepentingan MOTAC.

- ii) BBK tidak boleh menggunakan bantuan yang diberikan bagi tujuan pelaksanaan program/ aktiviti selain daripada skop yang dinyatakan.
- iii) MOTAC berhak menarik balik bantuan dan baki penyaluran bantuan tidak akan diteruskan sekiranya BBK gagal melaksanakan program/ aktiviti sebagaimana yang telah dipersetujui atau melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan termasuk tidak mengemukakan laporan akhir dalam tempoh 30 hari selepas daripada tarikh pelaksanaan sesuatu program/ aktiviti.
- iv) BBK boleh mengenakan caj/ yuran penyertaan di bawah program/ aktiviti yang diberi bantuan, tetapi kadarnya perlu dimaklumkan semasa permohonan.
- v) Ketidakpatuhan ini boleh menyebabkan BBK disenarai hitam dan permohonan tidak akan dipertimbangkan dalam tempoh masa tiga (3) tahun yang akan datang.

### **8.3 Prosedur Pemantauan**

- i) Bagi tujuan pemantauan, urus setia, ahli mesyuarat JPPK atau pegawai dari MOTAC/ Jabatan/ Agensi berhak menjalankan pemeriksaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program/ aktiviti yang dianjurkan oleh BBK.
- ii) Bagi BBK yang didapati memanipulasi laporan pelaksanaan program, tindakan menyenarai hitam BBK daripada permohonan bantuan kewangan di bawah MOTAC, Jabatan dan Agensi akan dilakukan.

### **8.0 KUASA PEGAWAI PENGAWAL**

- 10.1 Pegawai Pengawal mempunyai kuasa untuk meluluskan dan menilai semula bantuan kewangan kepada BBK yang disyorkan oleh JPPK.
- 10.2 Pegawai Pengawal boleh mencadangkan syarat-syarat tambahan kepada BBK selain daripada apa yang telah dinyatakan dalam garis panduan ini bagi tujuan kawalan yang lebih rapi.
- 10.3 Bagi kelulusan bantuan kewangan yang berjumlah RM50,000.00 dan ke bawah, kuasa melulus diturunkan kepada TKSU (Kebudayaan), MOTAC.

## 9.0 SENARAI LAMPIRAN

BIL.	PERKARA	CATATAN
i.	Terma Rujukan ( <i>Terms Of Reference - TOR</i> ) Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan (JPPK) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	Lampiran A
ii.	Perakuan Keputusan JPPK	Lampiran B
iii.	Surat Setuju Terima (Bantuan Kegiatan)	Lampiran C1
iv.	Surat Setuju Terima (Bantuan Pentadbiran)	Lampiran CII
v.	Surat Makluman Menolak	Lampiran CIII
vi.	Carta aliran kerja prosedur permohonan bantuan kewangan kepada BBK dan proses penilaian JPPK	Lampiran D
vii.	Senarai Semak Permohonan Bantuan Kewangan Kepada Badan Bukan Kerajaan (BBK) / Badan Bukan Kerajaan (BBK) Sektor Kebudayaan	Lampiran I
viii.	Borang Permohonan Bantuan Kewangan Kepada Badan Bukan Kerajaan (BBK) / Badan Bukan Kerajaan (BBK) Sektor Kebudayaan	Lampiran II
ix.	Format Kertas Kerja Permohonan	Lampiran III
x.	Senarai Semak Penghantaran dan Garis Panduan Penyediaan Laporan Akhir Pelaksanaan Program/ Aktiviti Menggunakan Bantuan Kewangan Kepada Badan Bukan Kerajaan (BBK) Sektor Kebudayaan	Lampiran IV

Disediakan oleh:

Bahagian Dasar Kebudayaan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia